

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL SINGH  
A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menghapuskan penglibatan Perdana Menteri di dalam perlantikan Peguam Negara, Gabenor Bank Negara dan Ketua Polis Negara untuk meningkatkan ketelusan pelaksanaan tugas-tugas pihak tersebut terhadap Perdana Menteri sekiranya perlu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan berkenaan pelantikan Peguam Negara, Gabenor Bank Negara dan Ketua Polis Negara. Oleh demikian, kesemua pelantikan tersebut akan terus dilaksanakan menurut lunas undang-undang yang sedia ada di mana Peguam Negara di lantik menurut Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan (PP). Manakala, pelantikan Gabenor Bank Negara Malaysia adalah menurut subseksyen 15(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701]. Seterusnya, berkenaan dengan pelantikan Ketua Polis Negara, adalah menurut Fasal (4) Perkara 140 PP.

Sekian, terima kasih.